



## *Perbicaraan tangguh, saksi ke-11 tidak sihat*

PERBICARAAN Bung Mokhtar dan Zizie bersambung hari ini hingga Jumaat.

**Kuala Lumpur:** Perbicaraan kes rasuah RM2.8 juta mem-babitkan Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Mokhtar Radin dan isterinya, Datin Seri Zizie Izette A Samad ditangguhkan kerana saksi ke-11 pendakwaan tidak sihat.

Peguam Ridha Abdah Subri yang mewakili Zizie Izette memberitahu perbicaraan semalam seharusnya disambung dengan mendengar keterangan Pengurus Kanan Pentadbiran dan Kewangan di Yayasan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra), Azriman Ridouan, 44.

“Bagaimanapun, kami dimaklumkan saksi hari ini (semalam) tidak sihat. Sehubungan itu, Hakim Mahkamah Sesyen Rozina Ayob menetapkan perbicaraan bersambung lagi esok (hari

ini) hingga lusa,” katanya.

Bung Mokhtar, 61, yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM2.2 juta dan RM262,500 sebagai dorongan mendapatkan kelulusan Felcra untuk membuat pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual.

Bung Mokhtar yang Pengerusi Bukan Eksekutif Felcra pada ketika itu dituduh menerima rasuah daripada ejen pelaburan Public Mutual, Madhi Abdul Hamid, 38, menerusi Zizie Izette di Public Bank cawangan Taman Melawati di sini, antara jam 12.30 tengah hari dan jam 5 petang pada 12 Jun 2015.

Beliau juga mengaku tidak bersalah menerima suapan wang tunai untuk dirinya sebanyak RM335,500 daripada

seorang lagi ejen pelaburan Public Mutual, Norlaili Ahmad Mokhtar, 42, di bawah nama Zizie Izette atas sebab sama.

Kesalahan terbabit didakwa dilakukan di tempat sama pada 19 Jun 2015.

Zizie Izette pula mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan bersubahat dengan suaminya berhubung perkara sama di tempat, tarikh dan masa sama.

Mengikut pertuduhan, Bung Mokhtar didakwa secara rasuah memperoleh untuk dirinya suatu suapan iaitu wang tunai RM2.2 juta daripada Madhi melalui Zizie Izette sebagai upah mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan II untuk Felcra membuat pelaburan sebanyak RM150 juta bagi menyertai produk unit amanah Public Mutual.